

Robogamez dedah pelajar kepada teknologi ciptaan antarabangsa


PELAJAR digalakkan menceburi bidang reka cipta dan inovasi yang masih belum diterokai bagi membolehkan negara menyumbang kepada pembentukan peradaban sains dan teknologi dunia di masa depan.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Idris Haron, berkata bagi merealisasikan hasrat itu, budaya gemar mencipta harus disemarakkan di kalangan warga sekolah dan institusi pengajian tinggi supaya teknologi ciptaan mereka mampu menembusi pasaran antarabangsa, sekali gus mengharumkan nama negara.

"Pada abad akan datang, negara memerlukan lebih ramai tenaga kerja mahir dan terlatih terutama dalam bidang pembuatan automasi, teknologi bahan termaju, bioteknologi dan teknologi maklumat.

"Kecekapan mewujudkan teknologi baru dalam bidang seumpama itu sangat penting bagi membolehkan Malaysia duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan negara maju pada 2020.

"Pertandingan Robogamez anjuran Uniten ini sejajar usaha mendedahkan pelajar kepada pengalaman bersepadu



BANGGA: Yap Jee Ken, dari UPM muncul pemenang keseluruhan Robogamez di Uniten.

memanfaatkan pengetahuan dan kemahiran bagi menguasai teknologi yang semakin pesat berkembang selain membolehkan Kementerian mengukur kemajuan mereka dalam bidang ini," katanya dalam ucapan perasmian pertandingan Robogamez 2008, di Kajang, baru-baru ini.

Teks ucapan beliau dibacakan Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Prof Datuk Dr Radin Umar Radin Sohadi. Hadir sama, Naib Canselor Universiti Tenaga Nasional, Prof

Datuk Ir Dr Mashkuri Yaacob.

Penyertaan sulung Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam pertandingan itu nyata berbaloi apabila menjuarainya bagi kategori Terbuka IPT Awam dan Swasta, mengetepikan tiga universiti lain iaitu Universiti Multimedia di tempat kedua, Uniten (ketiga) dan Universiti Teknologi Petronas (keempat), pada peringkat akhir.

Pasukan UPM diwakili Yap Jen Kee, Muhammad Iqbal Rusli dan Mohd Safuan Mohd Somari.

B.H
11/9/08